

Gagal seleweng petrol



Joshua Eric
am@hmetro.com.my

USAHA seorang lelaki untuk menyeleweng petrol digagalkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Sri Aman pagi semalam.

Terdahulu, lelaki berusia 38 tahun itu sedang mengendalikan petrol di atas lori di sebuah stesen minyak di bandar Simanggang.

Ketua cawangannya, Pelani Kemiti berkata, hasil maklumat awam, pihaknya ke stesen minyak itu 10 pagi.

"Lelaki itu gagal mengemukakan kebenaran bertulis bagi membeli serta menyimpan bahan api daripada pengawal bekalan ketika diminta.

"Dia kemudiannya ditahan untuk siasatan lanjut," katanya hari ini.

Menurut Pelani, pihaknya turut merampas 1,500 liter petrol selain menyita lori dipandu suspek.

Nilai keseluruhan rampasan ialah RM32,175.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan dibaca bersama dengan Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kegiatan ini boleh menghubungi kami di talian 08-3323836," katanya.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/580804/gagal-seleweng-petrol>

Artikel ini disiarkan pada : Rabu, 20 Mei 2020 @ 6:00 PM

